

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 28/03/2024
Edisi / Muka Surat : Nasional /28
Tajuk : Sasar bina 3,799 rumah mampu milik

Sasar bina 3,799 rumah mampu milik

Angkasa bantu golongan B40 miliki kediaman impian

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA LUMPUR

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan sebanyak 3,799 rumah mampu milik dibina untuk golongan B40 pada tahun ini.

Pengerusi MyAngkasa Bina Sdn Bhd, Datuk Che Mohd Shukree Che Isa berkata, sebanyak 500 rumah akan dibina di Sabah Timur manakala 3,299 rumah lagi dibina di Semenanjung Malaysia.

Menurutnya, golongan B40 yang mempunyai tanah layak memohon bagi memiliki kediaman sendiri.

"Melalui program MyAngkasa,



Che Mohd Shukree (duduk, kiri) dan Pengerusi Che Som Contractor Sdn Bhd, Jurinah Florence Justine menandatangani MoU di Kuala Lumpur Golf and Country Club, Kuala Lumpur pada Rabu.

kita akan membina rumah mengikut kemampuan mereka dan menyediakan pembiayaan kepada pemohon.

"Syarat untuk melayakkan

mereka membeli rumah kediaman sendiri amat mudah kerana tidak memerlukan slip gaji sebaliknya hanya pengesahan ketua kampung atau pengurus

rancangan sekiranya tinggal di Felda," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman



(MoU) antara MyAngkasa Bina Sdn Bhd dan Che Som Contractor Sdn Bhd di Kuala Lumpur Golf and Country Club di sini pada Rabu.

Katanya, projek yang dibangunkan itu menggunakan teknologi sistem bangunan perindustrian (IBS) serta mempunyai tempoh maksimum tiga bulan untuk disiapkan.

"Rumah ini menawarkan 10 model pada harga dari RM50,000 hingga RM399,000. Ia mempunyai keluasan antara 450 kaki persegi hingga 2,000 kaki persegi.

"Kita menggunakan konsep studio apartmen tetapi rumah ini dibina di atas tanah sendiri. Rumah ini boleh dibesarkan kepada 2,000 hingga 3,000 kaki persegi mengikut keperluan semasa," katanya.

Justeru, beliau berharap usaha Angkasa itu dapat mengurangkan beban rakyat untuk memiliki kediaman sendiri.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANKASA